



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***MENEROKA PERUBAHAN DINAMIK HUBUNGAN IBU DAN ANAK
REMAJA MELALUI PROGRAM FAMILY AND SCHOOL TOGETHER***

HASNY@YANTI BINTI ZAINAL

FPP 2021 21



**MENEROKA PERUBAHAN DINAMIK HUBUNGAN IBU DAN ANAK
REMAJA MELALUI PROGRAM *FAMILY AND SCHOOL TOGETHER***

Oleh

HASNY@YANTI BINTI ZAINAL

**Tesis dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

November 2019

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**MENEROKA PERUBAHAN DINAMIK HUBUNGAN IBU DAN ANAK REMAJA
MELALUI PROGRAM *FAMILY AND SCHOOL TOGETHER***

Oleh

HASNY@YANTI BINTI ZAINAL

November 2019

Pengerusi : Professor Samsilah Roslan, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan program *Family and School Together* (FAST) yang dilaksanakan buat pertama kalinya sebagai sebahagian daripada program kajian di bawah kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Lembaga Kemajuan Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Kajian ini memberi fokus terhadap hubungan di antara ibu dan responden remaja tingkatan 4 yang dirujuk kepada guru bimbingan dan kaunseling di sebuah sekolah menengah di Selangor kerana permasalahan disiplin atau mendapatkan khidmat kaunseling. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka kesan program FAST ke atas hubungan dinamik ibu dan anak remaja setelah mengikuti aktiviti FAST selama lapan minggu. Selain itu kajian ini juga bertujuan untuk mendapatkan pandangan peserta terhadap kesesuaian program FAST yang dilaksanakan dalam konteks Malaysia.

Berdasarkan kajian-kajian lepas program FAST telah berjaya meningkatkan hubungan ibu bapa dan remaja, meningkatkan tingkah laku remaja, mengurangkan stress dan mengurangkan keciciran sekolah tetapi sejauh mana program FAST dapat mengupayakan peranan ibu dan remaja dan kesesuaian pelaksanaannya bagi kajian di Malaysia masih belum pernah dikenalpasti. Kelompangan-kelompangan kajian lepas bagi menjelaskan isu ini menyebabkan kajian lanjutan perlu dilaksanakan.

Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini memilih reka bentuk kajian kes menggunakan persampelan bertujuan bagi meneliti enam orang partisipan ibu dan remaja yang mengikuti program FAST serta empat orang informan yang boleh memberi maklumat tentang program FAST. Data-data bagi melihat kesan sebenar program FAST terhadap peserta-peserta dikumpulkan dengan menggunakan

kaedah temu bual mendalam, pemerhatian turut serta, dan analisis dokumen dan ditriangulasi menggunakan pendekatan pelbagai sumber data. Dapatan temu bual kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Nvivo 8

Hasil kajian mendapati Program *Family and School Together* memberi perubahan dinamik diantara ibu dan remaja. Program FAST melalui “aktiviti bersama rakan sebaya” dan “aktiviti one to one”, menerapkan nilai kekeluargaan kepada peserta. Pengisian di dalam aktiviti- aktiviti FAST juga meningkatkan hubungan ibu dan anak melalui peningkatan penerapan elemen perubahan iaitu perubahan sikap dan tingkah laku, elemen komunikasi dan elemen peneguhan positif. Manakala kesan program FAST ke atas meningkatkan hubungan sekolah dan komuniti diperoleh melalui penglibatan banyak pihak dan program yang terancang.

Hasil program FAST secara langsung telah meningkatkan hubungan dinamik antara ibu dan remaja. Perubahan tingkah laku remaja di rumah seterusnya mempengaruhi tingkah laku remaja di sekolah. Majoriti peserta berpuas hati dengan aktiviti yang dilaksanakan di dalam FAST dan menerima FAST sebagai sebuah program yang interaktif dan menekankan aspek nilai kekeluargaan dalam konteks Malaysia. Program FAST juga telah disesuaikan dengan budaya tempatan sebagai program intervensi yang dinamik dalam membina hubungan ibu dan remaja.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

EXPLORING THE DYNAMIC CHANGES BETWEEN MOTHERS AND THEIR TEENAGE CHILDREN THROUGH FAMILY AND SCHOOL PROGRAM

By

HASNY@YANTI BINTI ZAINAL

November 2019

Chair : Professor Samsilah Roslan, PhD
Faculty : Educational Studies

This study presents the effects of Family and School Together (FAST) Programmed that was executed for the first time as part of a research study under University Putra Malaysia (UPM) and The National Population and Family Development Board (NPFDB) of Ministry of Women, Family and Community Development. This study focuses on the relationship between mothers and their Form 4 teenage children that were referred to the school's counsellor due to discipline issues in Selangor. The purpose of this study is to explore the dynamic relationship between mothers-children after eight weeks being under the FAST programmed. Other than that, this study has become a survey to gauge its efficiency in Malaysian community.

Based on the previous studies, this FAST program has succeeded in improving relationship between parents and teenager, improving teenager's behaviors, reducing stress and school dropout but until to what extent this FAST program can strive the role of mother and teenager and relevancy of its implementation for study in Malaysia yet to be identified. The ambiguities in the previous studies to clarify this issue have causing further studies need to be carried out.

By using qualitative approach, this study indicated the case study design by using purposive sampling which intended to scrutinize 10 participants 6 mother and teenager together 4 informant (facilitators) who have joined FAST program. The data to comprehend the real impact of the FAST program on participants were collected using in-depth interviews, direct observation and document analysis and be triangulated using a multi-source data approach. The interview findings then were analyzed using NVivo 8 software.

The study found out family and school together program affects the relationship between mother and teenager. This FAST program through peers' activity and one to one activity, has increased the element of communication skills and mother parenting practices. The influence of this activity also has increased the element of knowledge, element of communication skills and also element of behaviors and attitudes of teenager. The influence of FAST program toward increasing the school and community relationship obtained through the involvement of various parties and planned programs.

The result of a dynamic relationship between mother and child also affects the changes of the teenager's behavior at home and school. Majority of the participants were satisfied with the activities that were carried out in FAST and acknowledged FAST in the Malaysian context which has been adapted to the local culture as a dynamic intervention program in building relationship between mother and teenager.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat saya menyempurnakan penyelidikan dan menamatkan pengajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Tesis, iaitu Y. Bhg. Prof. Dr. Samsilah Roslan, Prof. Madya Dr. Norlizah Che Hassan, dan Prof. Madya Dr. Rosnaini Mahmud atas curahan ilmu, teguran, tunjuk ajar dan sokongan yang begitu bermakna sepanjang kajian ini dijalankan. Jasa kalian amat-amat saya hargai. Tidak dilupakan juga buat pensyarah-pensyarah yang banyak memberi tunjuk ajar iaitu Professor Sarifah Mohd Nor, dan Pn. Sti Suria Salim.

Ucapan jutaan terima kasih juga buat Jawatankuasa Peperiksaan Tesis, Prof. Madya Dr. Ramli Basri, Prof. Madya Dr. Rumaya Juhari, Prof. Madya Dr. Nor. Anizah Ahmad (AAP) dan Y. Bhg. Prof. Dr. Rosnani Hashim yang telah memberi penilaian dan panduan sehingga penulisan ini selesai.

Titipan istimewa buat arwah bonda Hjh. Kamaliah Abdul Rahman, dan arwah ayahanda Hj. Zainal Mohamad yang sentiasa dalam lipatan kenangan. Tanpa dorongan dan doa darimu tidak mungkin anakanda berjaya sehingga ke hari ini. Iringan doa kutipkan semoga roh mereka dicucuri rahmat oleh Allah S.W.T.

Adinda tersayang Norazlina Zainal yang selama ini membantu sehingga ke akhir proses penulisan tesis, jasamu tidak terbalas. Juga buat Long, Ngah, Cik, Teh dan We serta sahabat-sahabat di SK Puchong, terima kasih kerana sentiasa memberikan sokongan.

Penghargaan istimewa buat suami tercinta, Abdullah Khairi b. Idris. Keizinan, pengorbanan, kesabaran, dorongan dan doamu adalah tunjang kekuatan sepanjang pengajian. Buat anak-anak yang dikasihi Azeq Khaireen, Azeq Khalish Hazim, Muhammad Lutfirrahman Adha, Muhammad Lutfilhadi Adha dan Nurqaseh Airis Fiqriyah, Terima kasih di atas pengorbanan kalian. Hanya Allah S.W.T yang akan membalasnya. Teruskan pencarian ilmu dunia dan akhirat. Agar kita beroleh manfaat atas hasilnya. Terima kasih semua. Penantian ini sudah berakhir.

Salam hormat.

Hasny @ Yanti Zainal
22 MEI 2020
Puchong, Selangor.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Samsilah Roslan, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rosnaini Mahmud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Norlizah Che Hassan, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 MAC 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Hasny@Yanti Zainal, GS24035

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi Jawatankuasa

Penyeliaan: _____

Prof.Dr Samsilah Roslan

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa

Penyeliaan: _____

Prof.Madya Rosnaini Mahmud

Tandatangan: _____

Nama Ahli Jawatankuasa

Penyeliaan _____

Dr. Norlizah Che Hassan

JADUAL KANDUNGAN

| | Halaman |
|--|---------|
| ABSTRAK | i |
| ABSTRACT | iii |
| PENGHARGAAN | v |
| PENGESAHAN | vi |
| PERAKUAN | viii |
| SENARAI JADUAL | xiv |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI SINGKATAN | xv |
| | |
| BAB | |
| 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 5 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 7 |
| 1.5 Objektif Kajian | 7 |
| 1.6 Kepentingan Daripada Aspek Amalan | 7 |
| 1.7 Definisi Operasional | 8 |
| 1.7.1 Perubahan Dinamik | 8 |
| 1.7.2 Ibu | 8 |
| 1.7.3 Remaja | 9 |
| 1.7.4 Program Family and School Together (FAST) | 9 |
| 1.8 Skop Kajian | 9 |
| 1.9 Batasan Kajian | 9 |
| 1.10 Penutup | 10 |
| | |
| 2 KAJIAN LITERATUR | |
| 2.1 Pengenalan | 12 |
| 2.2 Remaja, Penglibatan dalam salah laku punca dan kesannya | 12 |
| 2.3 Peranan dan tanggungjawab ibu bapa | 14 |
| 2.3.1 Komunikasi | 15 |
| 2.3.2 Corak Asuhan | 16 |
| 2.3.3 Bentuk Perapatan Ibu dan Remaja | 17 |
| 2.4 Kerjasama Sekolah dan Masyarakat | 19 |
| 2.4.1 Kerjasama Sekolah dan keluarga di Malaysia | 23 |
| 2.4.2 Program Kerjasama Sekolah dan Keluarga di Luar Negara | 26 |
| 2.5 Latar belakang Pelaksanaan Program Remaja FAST (Teen FAST) | 30 |

| | | | |
|----------|-------|---|----|
| | 2.5.1 | Pemilihan Peserta Remaja FAST Malaysia | 31 |
| | 2.5.2 | Sasaran Program FAST Malaysia | 32 |
| | 2.5.3 | Rumusan FAST di Malaysia | 32 |
| 2.6 | | Kajian Keberkesanan Program FAST | 33 |
| 2.7 | | Latar Belakang Teori yang Menyokong Kajian | 36 |
| | 2.7.1 | Teori Fungsionalisme (Emile Durkheim 1858-1917) | 36 |
| | 2.7.2 | Kaitan Teori Fungsionalisme dengan FAST | 37 |
| | 2.7.3 | Teori Pembelajaran Sosial Albert Bandura (1977) | 38 |
| 2.8 | | Penutup | 40 |
| 3 | | METODOLOGI KAJIAN | |
| | 3.1 | Pengenalan | 42 |
| | 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 42 |
| | 3.3 | Prosedur Persampelan | 45 |
| | 3.3.1 | Proses Pengumpulan Data | 45 |
| | 3.3.2 | Pemilihan Peserta Kajian | 46 |
| | 3.3.3 | Latar Belakang Peserta Kajian | 47 |
| | 3.3.4 | Lokasi Kajian | 53 |
| | 3.3.5 | Tempoh Kajian | 53 |
| | 3.4 | Kaedah Pengumpulan Data | 54 |
| | 3.4.1 | Temubual | 54 |
| | 3.4.2 | Pemerhatian | 56 |
| | 3.4.3 | Analisis Dokumen | 57 |
| | 3.5 | Kajian Rintis | 57 |
| | 3.6 | Kesahan dan Kebolehpercayaan | 59 |
| | 3.6.1 | Kesahan | 59 |
| | 3.6.2 | Kebolehpercayaan | 62 |
| | 3.6.3 | Tiangulasi Data | 62 |
| | 3.7 | Prodesur Penganalisan Data | 62 |
| | 3.7.1 | Transkripsi | 63 |
| | 3.7.2 | Organisasi dan mengekod data | 64 |
| | 3.8 | Rumusan | 66 |
| 4 | | DAPATAN KAJIAN | |
| | 4.1 | Pendahuluan | 68 |
| | 4.1.1 | Ringkasan Latar Belakang Partisipan FAST | 68 |
| | 4.1.2 | Dapatan Kajian | 69 |
| 4.2 | | Tema dan Sub tema dapatan kajian 1 | 70 |
| | 4.2.1 | Tema 1: Fasa 1: Sebelum program dilaksanakan. | 70 |
| | 4.2.2 | Tema 2: Fasa 2: Semasa program dilaksanakan | 73 |
| | 4.2.3 | Tema 3: Fasa 3: Selepas pelaksanaan program FAST | 90 |

| | | |
|----------|---|-----|
| | 4.2.4 Penerapan nilai kekeluargaan | 97 |
| 4.3 | Tema dan Sub tema Dapatan Kajian 2(i): Meningkatkan perhubungan ibu dan anak | 111 |
| | 4.3.1 Tema 1: Penerapan Elemen Perubahan | 111 |
| | 4.3.2 Tema 2: Elemen komunikasi | 124 |
| | 4.3.3 Tema 3: Elemen Peneguhan Positif | 132 |
| 4.4 | Tema dan Sub tema dapatan kajian 2 (ii) Meningkatkan Kerjasama Sekolah dan Komuniti | 135 |
| | 4.4.1 Sub Tema 1: Penglibatan Pelbagai Pihak | 135 |
| | 4.4.2 Sub Tema 2: Program yang Terancang | 140 |
| 4.5 | Rumusan | |
| 5 | PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN | |
| 5.1 | Pendahuluan | 143 |
| 5.2 | Ringkasan Kajian | 143 |
| 5.3 | Perbincangan Dapatan Kajian | 145 |
| 5.4 | Pelaksanaan program FAST | 146 |
| | 5.4.1 Model FAST | 146 |
| | 5.4.2 Penerapan nilai kekeluargaan | 152 |
| | 5.4.3 Penerapan nilai bertanggungjawab. | 154 |
| 5.5 | Meningkatkan hubungan ibu dan anak remaja melalui program FAST. | 157 |
| | 5.5.1 Model FAST | 157 |
| | 5.5.2 Elemen sikap dan tingkah laku | 159 |
| | 5.5.3 Elemen komunikasi | 161 |
| | 5.5.4 Peneguhan | 164 |
| 5.6 | Manfaat FAST kepada komuniti | 165 |
| | 5.6.1 Penglibatan banyak pihak. | 165 |
| | 5.6.2 Kerjasama | 168 |
| 5.7 | Kesimpulan | 168 |
| 5.8 | Implikasi kajian | 171 |
| | 5.8.1 Implikasi kajian terhadap aspek amalan dan praktikal | 171 |
| | 5.8.2 Implikasi terhadap aspek teori | 172 |
| 5.9 | Cadangan kajian lanjutan | 175 |
| | BIBLIOGRAFI | 177 |
| | LAMPIRAN | 201 |
| | BIODATA PELAJAR | 219 |
| | SENARAI PENERBITAN | 221 |

SENARAI JADUAL

| Jadual | | Halaman |
|--------|--|---------|
| 2.1 | Jadual Program Remaja FAST Di SMK Jalan Tiga | 32 |
| 3.1 | Latar belakang Ibu Remaja FAST | 49 |
| 3.2 | Latar Belakang Remaja FAST | 50 |
| 3.3 | Prosedur Kesahan dan Kebolehpercayaan | 61 |
| 4.1 | Aktiviti-aktiviti Program FAST | 72 |
| 4.2 | Tajuk Perbincangan Ibu dan Remaja | 81 |
| 4.3 | Aktiviti Bersama Keluarga Minggu 1 hingga Minggu 8 | 84 |
| 4.4 | Refleksi Remaja Selepas Aktiviti <i>one to one</i> | 86 |
| 4.5 | Rekod Kehadiran Informan ke Program FAST | 140 |



SENARAI RAJAH

| Rajah | | Halaman |
|-------|---|---------|
| 2.2 | Kerangka Konseptual Kajian | 40 |
| 3.1 | Carta Alir Proses Kajian Rintis. | 58 |
| 3.2 | Carta Alir Proses Pengumpulan dan Penganalisaan Data. | 66 |



SENARAI SINGKATAN

| | |
|----------------|---|
| AADK | Agensi Anti Dadah Kebangsaan |
| FAST | Family and School Together |
| GPKEH | Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid |
| JKM | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KSIB | Kumpulan Sarana Ibu Bapa |
| LPPKN | Lembaga Kemajuan Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara |
| NGO | <i>Non-Governance Organization</i> |
| PIBG | Persatuan Ibu Bapa dan Guru |
| PITRAH | Persatuan Ibu Tunggal Rangkaian Hati |
| SMK Jalan 2 | Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan 2 |
| SMK Jalan Tiga | Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan 3 |
| UPM | Universiti Putra Malaysia |
| WGK | Wakil Guru Kaunseling |
| WGT | Wakil Guru Tingkatan |
| WPIBG | Wakil Persatuan Ibu Bapa |
| WHEM | Wakil Hal Ehwal Murid |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penglibatan pelajar yang bergelar remaja dalam pelbagai salah laku disiplin yang membawa kepada masalah sosial merupakan aspek yang sering diberikan tumpuan dalam kajian-kajian ilmiah. Sebagai aset penting kepada negara, pembangunan remaja sentiasa mendapat perhatian masyarakat. Mengikut statistik salah laku disiplin pelajar pada tahun 2017, terdapat seramai 134 108 orang pelajar sekolah menengah dan rendah terlibat dalam pelbagai salah laku disiplin. Walaupun hanya melibatkan 2.79 peratus daripada jumlah keseluruhan pelajar di Malaysia permasalahan ini jika dibiarkan akan menjadi halangan bagi melahirkan pelajar yang cemerlang sahsiah dan akademik.

Melalui dapatan tersebut, sikap kurang sopan, tidak pentingkan masa, kekemasan diri, rokok, berunsur jenayah, kenakalan, buli, berunsur kelucahan dan laku musnah merupakan salah laku yang dicatat manakala ponteng sekolah merupakan salah laku yang menunjukkan penglibatan paling tinggi dalam kalangan pelajar.

Penglibatan remaja dalam pelbagai salah laku disiplin di sekolah berkait rapat dengan pelbagai faktor. Antaranya faktor perubahan diri sendiri, keluarga, rakan sebaya, sekolah dan masyarakat. Remaja Menurut *World Health Organization* (WHO) adalah mereka yang berada pada tahap transisi di antara zaman kanak-kanak dan dewasa pada umur sekitar 12 hingga 24 tahun. Perubahan fizikal remaja turut mempengaruhi perubahan pemikiran dan emosi yang ada di mana semasa dalam proses pembentukan identiti remaja seringkali menunjukkan unsur-unsur protes apabila bertentangan sebarang dengan kehendak mereka. Tambahan pula remaja pada peringkat umur ini masih kurang pengalaman menyebabkan penilaian mereka terhadap sesuatu adalah terhad. Kefungsian keluarga mampu mempengaruhi kehidupan individu sama ada membuatkan kehidupan menjadi positif atau negatif. Sesuai dengan kedudukan rumah sebagai institusi pendidikan pertama, Wan Mohd Yusuf, Abdul Wahab Md. Ali, Zulkifli, Ahmad Faizal dan Farah Syazrah (2017) menyatakan sebuah keluarga yang sejahtera perlu memiliki keseimbangan antara dalaman dan luaran. Ibu bapa bertanggungjawab memberikan pendidikan agama, iman dan akhlak (Yahaya, 2017). Manakala menurut Jamiah Manap, Suzana Mohd Hoesni & Mohammad Rezal Hamzah, (2018) kepentingan komunikasi untuk menyatakan keperluan, kehendak, keprihatinan dan kasih sayang merupakan asas dalam hidup berkeluarga.

Namun demikian pelbagai masalah keluarga seperti konflik pasangan, perceraian, penderaan rumah tangga, penyalahgunaan dadah, dan

seumpamanya merupakan isu yang masih berterusan berlaku dalam masyarakat. Keadaan ini menyebabkan sesebuah keluarga dikatakan tidak dapat berfungsi dengan baik atau disfungsi (Norulhuda Sarnon, Nor Jana Saim, Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Suzana Mohd Hoesni, Salina Nen, Nasrudin Subhi, Mohd Suhaimi Mohammad, Khadijah Alavi & Chong Sheau Tsuey, 2018).

Rohanizan (2018) dalam kajiannya pula menyimpulkan sekiranya ibu bapa kurang atau tidak memberi kasih sayang yang secukupnya, dikhuatiri anak-anak mencari kasih sayang tersebut dari orang lain seperti rakan sebaya. Menurut kajian Ma Razhanlaily dan Salasiah Hanin (2018), rakan merupakan teman yang paling akrab dalam hidup seseorang untuk berkongsi masalah, apatah lagi jika mereka sebaya dan mempunyai minat dan personaliti yang sama. Namun kurangnya pengetahuan dalam memilih rakan boleh membahayakan diri kerana rakan sebaya mampu memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi remaja terjebak ke arah masalah sosial.

Kajian Lukman Hakim, Muhamad Redha, Muhamad Nazirul Asyraf, Abdul Hadi, Nursyuhada, Nur Haziqah, dan Mohd Razimi Husin (2019) terhadap gejala ponteng sekolah merumuskan apabila anak-anak dipinggirkan dan kasih sayang yang sepenuhnya tidak diberikan maka tidak hairanlah apabila mereka memilih untuk ponteng sekolah dan bergaul dengan rakan-rakan luar sekolah yang dianggap lebih rapat dengan mereka. Manakala Mohamad Faizal dan Mohd Zaki (2014), dalam kajian terhadap penglibatan remaja dalam zina dan kajian Nur Najwa Solehah, Siti Norhafiza, Nur Aqilah, Naziera Izzaty, Nurul Ain Hayati, dan Mohd Razimi, (2019) terhadap penglibatan remaja dalam pergaulan bebas turut mendapati wujud pengaruh rakan sebaya yang mengakibatkan remaja terjebak dalam masalah salah laku berunsur kelucahan meskipun masih di bangku sekolah.

Melalui kajian-kajian lepas proses pembentukan personaliti anak-anak amat bergantung kepada didikan dan peranan ibu bapa ataupun penjaga. Nur Fatin, Muhammad Ajib, dan Fatimah (2015) menekankan tingkah laku keibubapaan adalah penting untuk meramal tingkah laku anak-anak pada masa hadapan khususnya dalam aspek pergaulan, komunikasi, nilai moral, prestasi pendidikan dan pembentukan karakter kanak-kanak manakala Siti Marhamah Kamarul Arifain, Farrah Wahida Mustafar, Faudziah Yusof, dan Atini Alias (2016) pula menekankan gaya asuhan ibu bapa dalam usaha membentuk perwatakan remaja yang positif.

Manakala Ishak (2018), menekankan peranan dan tanggungjawab ibu bapa sebagai role model kepada anak-anak, kegagalan memberikan contoh yang baik akan memberikan kesan negatif terhadap anak-anak. Selain itu hubungan ibu dan anak yang rapat akan mewujudkan aura positif dalam diri anak-anak. Perasaan disayangi akan mempengaruhi anak-anak untuk terlibat dalam perlakuan yang menyimpang. Anak-anak yang menerima dorongan dan galakan, hubungan mesra antara ibu bapa serta hubungan kekeluargaan yang

kukuh akan mempengaruhi pembentukan personaliti, motivasi dan pencapaian mereka (Mohamad, 2018).

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi meneroka keberkesanan program Family and School Together (FAST) sebagai program intervensi yang dilaksanakan dengan kerjasama sekolah dan keluarga. Program Family and School Together (FAST) merupakan satu program intervensi awal secara bersemuka yang telah diguna pakai di beberapa buah negara. Program FAST diasaskan oleh Lynn McDonald (1988) dengan fokus utama meningkatkan kefungsi keluarga dan memperkuat daya tahan anak-anak dan membantu menggilap potensi semula jadi setiap kanak-kanak dengan menyatukan keluarga, sekolah dan masyarakat (Crozier, Rokutani, Russett, Godwin, & Bank, 2010; McDonald & Frey, 1999).

Program FAST telah dilaksanakan lebih 20 buah negara dan 48 buah negeri antaranya Amerika Syarikat, England, Austria, Kanada, German dan Netherlands. Program FAST juga telah berjaya dilaksanakan ke atas lebih 800 buah sekolah sebagai program pencegahan awal dan program intervensi bagi remaja berisiko (McDonald & Frey, 1999). Sasaran program FAST adalah kanak-kanak dan remaja berisiko yang kebarangkalian untuk tercicir dalam pendidikan akibat pelbagai masalah sosial antaranya kemiskinan, sistem kekeluargaan tidak berfungsi, serta masalah ketagihan bahan ibu dan bapa (www.familiesandschools.org).

Gamoran, Turner, Fish, dan Ruth (2017), mendapati program FAST berjaya meningkatkan hasil tingkah laku kanak-kanak dan bahawa penambahbaikan ini bukan sekadar hasil daripada penyertaan kanak-kanak ke dalam hubungan sosial tetapi hasil daripada hubungan sosial itu sendiri. Kajian ini merumuskan, penglibatan keluarga di dalam program FAST mendatangkan kesan yang lebih besar ke atas perubahan tingkah laku peserta bahkan kesannya turut dirasai oleh kelompok masyarakat sekelilingnya. Oleh itu kesan FAST bukan hanya dilihat melalui bilangan peserta tetapi bergantung juga kepada sejauh mana peserta mengikuti program FAST.

Macdonald, Livingstone dan Natalie (2019) melakukan kajian penilaian ke atas program FAST dan mendapati kesan utama FAST adalah meningkatkan pencapaian anak-anak di sekolah manakala kesan buruk adalah penurunan tingkah laku positif. Sedangkan pendidikan pula adalah bersifat dinamik, selari dengan perkembangan dan pembangunan negara. Justeru program transformasi dalam pendidikan perlu dilaksanakan bagi memastikan ia berada di landasan yang betul.

Melalui anjakan kesembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PIPP) 2013-2025, penekanan telah diberikan terhadap penglibatan ibu bapa,

komuniti dan pihak swasta dalam memperkasakan sekolah. Di antara penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah dengan menambah aktiviti yang melibatkan ibu bapa selain PIBG iaitu 'Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti' (PIBK) dan 'Kumpulan Sokongan Ibu Bapa' (KSIB) atau 'Sarana Ibu Bapa'.

Permuafakatan antara sekolah dan komuniti boleh definisikan sebagai perhubungan erat atau kesepakatan dalam pelaksanaan pelbagai program atau aktiviti di sekolah (Sheldon, 2015). Kolaborasi dan perkongsian dalam membuat keputusan merupakan elemen penting dalam perhubungan sekolah dan komuniti. Di negara-negara barat, permuafakatan ataupun kerjasama sekolah dan komuniti bagi mengatasi pelbagai isu dalam pendidikan dilaksanakan secara meluas. Strategi perubahan sekolah ialah permuafakatan antara sekolah dengan komuniti (Friend dan Cook, 2010; Sanders dan Harvey, 2002; Davis, 2002; Valli, Stefanski dan Jacobson, 2013; 2014) yang terlibat secara menyeluruh dalam proses pendidikan (Epstein & Sanders, 2006).

Permuafakatan sekolah dengan komuniti di Malaysia hakikatnya juga telah berlaku sebelum zaman penjajahan Inggeris (Sufean, 2008; Baharom, Roslee, Muhammad Suhaimi, Abdul Said, Shukri & Mohd Yusof, 2013), telah diperakui dalam Penyata Razak 1956 (Kamarudin, 1989; Mohammed Sani, Ahmad Zabidi & Husaina, 2015); (Siti Aliah, Muhamad Suhaimi & Jamaludin, 2016). Seterusnya berkesinambungan dengan termaktub Akta Pendidikan 1996, Pelan Induk Pembangunan (PIP) 2006-2010 dan PPPM 2013-2025 (Mohammed Sani et al., 2015).

Namun demikian permuafakatan ini masih terhad dan berkisar kepada pencapaian akademik anak-anak di peringkat rendah berbanding peringkat menengah. Ibu bapa juga seringkali menjadikan kesibukan dan kekangan masa sebagai halangan untuk membimbing anak-anak dan membiarkan anak-anak belajar bersendirian di rumah (Abd Razak dan Noraini Salleh, 2011) tambahan pula jika ia melibatkan ibu atau bapa tunggal (Irma Yanti, 2017)

Menurut Mohammed Sani et al. (2015) sekolah mempunyai tanggapan bahawa pendidikan merupakan tanggungjawab sekolah bukan komuniti. Manakala bagi pihak komuniti pula, mereka menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab pendidikan kepada sekolah. Keadaan ini membataskan hubungan di antara sekolah dan komuniti dalam hal-hal yang lebih luas seperti kerjasama dalam mengatasi masalah disiplin pelajar, ponteng sekolah, gejala salahguna bahan (ketagihan rokok, dadah, alkohol, menonton bahan lucah, dan seumpama), kemerosotan minat belajar dan masalah keciciran, terperangkap dalam gejala vandalisme dan gengsterisme serta hubungan seks bawah umur (Fatimah Abdullah, Khaidzir Ismail dan Mustafa Omar, 2015).

Dalam institusi keluarga ibu bapa merupakan adalah tanggungjawab kepada kejayaan anak-anak. Ibu bapa yang mengambil tahu tentang keinginan dan cita-cita anak-

anak mereka akan sentiasa memberikan sokongan, motivasi dan perangsang dapat memupuk kemahiran insaniah pelajar (Anisa Saleha 2015; Haslina Md Yunus, Abdul Razaq Ahmad & Anisa Saleha, 2015).

Sullivan dan Conoley, (2004) menekankan aspek interaksi anak dan ibu (yang merupakan agen sosialisasinya yang signifikan) merupakan proses pembinaan konsep sendiri dalam dirinya. Menurutnya lagi sistem sendiri merupakan organisasi pengalaman pembelajaran yang menjadi keutamaan untuk mengurangkan rasa rendah diri (anxiety) individu. Bertepatan dengan kajian Van der Giessen, Branje, Frijns, dan Meeus (2013) ke atas hubungan pasangan ibu dan anak merumuskan bahawa ibu dan anak mempunyai perapatan yang mempengaruhi tingkah laku anak. Menurut Martin (2016) hubungan ibu dan anak serta konflik ibu dan anak memberikan implikasi yang besar kepada kefungsi keluarga.

Di atas dasar inilah ia menarik minat penyelidik untuk membuat kajian terhadap pelaksanaan program FAST, dengan meneroka kesan program FAST ke atas peranan ibu, remaja dan komuniti dalam konteks sosiologi. Kajian ini akan tertumpu kepada remaja tingkatan 4 yang mengikuti program FAST bersama ibu dan juga komuniti masyarakat setempat.

1.3 Permasalahan Kajian

Masalah salah laku dalam kalangan remaja bersekolah semakin bertambah saban tahun, Pelbagai faktor yang menjadi punca kepada penglibatan remaja dalam salah laku antaranya, faktor keluarga, rakan sebaya persekitaran sekolah dan masyarakat. Melalui kajian-kajian lepas, kegagalan kefungsi keluarga merupakan salah satu punca utama remaja terlibat dengan salah laku disiplin di sekolah. Diana, Lee Jun Choi dan Mohammad Syawal Narawi (2018), Lukman Hakim et al. (2019) mengaitkan gejala salah laku ponteng sekolah dengan gaya asuhan ibu bapa. Buerah Tunggak (2015), dalam kajiannya, di antara faktor yang menyebabkan remaja terjerumus kepada tingkah laku delinkuen adalah kerana kurangnya pendidikan agama terutama perkara asas seperti solat dan membaca al-Quran di samping kekurangan perhatian dan kasih sayang ibu bapa. Patonah, Norbaya dan Amna (2013) mendapati masalah delinkuen dalam kalangan remaja dapat diatasi sekiranya keluarga meluangkan lebih banyak masa bersama.

Namun demikian usaha untuk menangani masalah tersebut masih diletakkan di atas tanggungjawab sekolah. Tinjauan awal mengenai hubungan sekolah dengan komuniti mendapati ibu bapa menyerahkan sepenuhnya urusan pendidikan anak mereka kepada sekolah (Kamarudin, 1989; Mohamed Sani, Saedah dan Norlidah, 2014; Siti Aliah et al., 2016). Sekolah pula menganggap pendidikan adalah keutamaan sekolah bukan komuniti (Mohamed Sani Ibrahim et al., 2014).

Ketiadaan kerjasama di antara komuniti dan sekolah bagi menangani isu salah laku remaja menyebabkan sekolah terus terbeban dengan pengurusan salah laku dan disiplin pelajar. Manakala ibu bapa pula ketiadaan sokongan dan kerjasama dalam mengawal salah laku remaja. Sementara itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (2013-2025) turut memperkenalkan Kumpulan sarana ibu bapa (KISB), namun peranan KISB dalam kerjasama antara sekolah dan ibu bapa terutama melibatkan masalah salah laku pelajar masih belum diteroka secara meluas.

Kajian-kajian lepas terhadap program kerjasama di antara keluarga dan sekolah dalam menangani salah laku remaja amat terhad. Kebanyakan program kerjasama yang melibatkan pencegahan hanya berlaku apabila remaja terlibat dengan kesalahan-kesalahan yang lebih berat sehingga melibatkan arahan mahkamah. Ibu bapa atau penjaga remaja memohon kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (MBKK) secara bertulis bagi menahan remaja tersebut untuk tujuan pemulihan (Maznah, Norulhuda, dan Ezarina, 2019). Sedangkan situasi ini boleh di atasi sekiranya program pencegahan di peringkat sekolah dengan kerjasama ibu bapa dan masyarakat dapat dilaksanakan. Justeru itu perlu ada satu program bersesuaian yang boleh digunakan bagi meneroka kerjasama di antara sekolah dan komuniti bagi menangani masalah salah laku remaja menerusi konsep kerjasama dan permuafakatan. Maka pengkaji merasakan ini adalah masa yang tepat untuk meneroka program FAST.

Program Family and School Together ataupun program FAST merupakan sebuah program intervensi yang dirangka untuk meningkatkan peranan keluarga melalui ibu bapa dan peranan masyarakat dalam membendung salah laku remaja. Toumbourou, (2002) menjelaskan program intervensi keluarga ditakrifkan sebagai program yang melibatkan ibu bapa, anak anak, dan ahli keluarga yang lain yang akan bersama-sama menerima maklumat dan mempelajari kemahiran berkaitan dengan pembangunan keluarga yang sihat. Namun begitu sejauh mana keberkesanan, pengisian serta isi kandungan program FAST sebagai program intervensi keluarga di Malaysia masih belum pernah diterokai. Justeru kajian ini amat sesuai dilaksanakan bagi menghuraikan persoalan tersebut.

Program FAST turut menekankan peranan modal sosial dalam menentukan kejayaan pelaksanaannya. Menerusi kajian ini, penerokaan terhadap peranan modal sosial iaitu ibu bapa dan sekolah dapat sangat perlu bagi melihat kesannya terhadap pembentukan tingkah laku remaja. Sebagai program yang baharu pertama kali dibawa masuk ke Malaysia, penerokaan ke atas program FAST juga dapat menjawab bagaimana permuafakatan antara sekolah dan komuniti dapat membantu remaja yang bermasalah salah laku berubah menjadi lebih baik.

Bahkan kajian ini juga akan menjawab persoalan apakah bentuk perubahan dinamik antara ibu dan remaja yang memberi kesan kepada pencapaian remaja di sekolah setelah melalui program FAST. Menyedari hakikat ini, kajian terhadap

program FAST adalah sangat penting untuk membentuk pemahaman yang komprehensif dan penambahan literatur sedia ada.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab beberapa persoalan iaitu;

- i. Apakah pengisian di dalam program FAST
- ii. Bagaimanakah program FAST memainkan peranan bagi
 - a. meningkatkan hubungan ibu dan remaja
 - b. menggalakkan permuafakatan dalam komuniti,

1.5 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah meneroka peranan program FAST sebagai program intervensi salah laku remaja manakala objektif khusus kajian ini adalah untuk;

- i. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pengisian program FAST sebagai program intervensi dalam konteks Malaysia.
- ii. Meneliti perubahan dinamik hubungan ibu dan anak remaja melalui program FAST.

1.6 Kepentingan Kajian

Program Family and School Together merupakan sebuah program yang baharu diperkenalkan di Malaysia sebagai kajian rintis dengan kerjasama Children At-Risk in Education Research Centre, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, LPPKN dan SMK Jalan Tiga Bandar Baharu Bangi. Sehubungan dengan itu dapatan kajian ini memberi sumbangan penting kepada para pengkaji untuk terus meneroka program yang bersesuaian dalam membantu mengurangkan masalah disiplin di sekolah dan melahirkan remaja dan keluarga yang berkualiti.

Sebagai sebuah program yang baharu, pengalaman-pengalaman peserta melalui aktiviti program FAST akan memberi gambaran sebenar kesesuaian aktiviti yang dilaksanakan dalam konteks budaya masyarakat setempat. Kajian ini juga dapat meningkatkan kefahaman pengkaji terhadap tingkah laku remaja terlibat salah laku dan sikap dengan keluarga dan masyarakat.

Walaupun terdapat kajian terhadap program pencegahan atau intervensi yang dilaksanakan ke atas remaja, namun pengkaji-pengkaji lepas turut menyarankan program pencegahan yang melibatkan ibu bapa dan masyarakat diberi perhatian secara menyeluruh. Oleh kerana kajian terhadap program yang melibatkan masalah salah laku melibatkan ibu bapa atau penjaga belum meluas dilaksanakan di Malaysia, maka kajian ini turut memberi sumbangan kepada

kesan permuafakatan di antara ibu bapa dan sekolah. Dapatan kajian memberi input yang berguna kepada para pengkaji yang hendak mengkaji kesesuaian program intervensi yang ada di Malaysia.

Kajian ini turut membantu pihak bertanggungjawab untuk merangka atau melakukan penambahbaikan kepada cara sedia ada dalam usaha menangani masalah salah laku di sekolah seperti ponteng sekolah, merokok, buli dan sebagainya. Pengkaji memberikan tumpuan kepada kesan aktiviti yang dilaksanakan setiap minggu terhadap perubahan sikap remaja dan penjaga. Kajian ini turut meneroka pandangan wakil komuniti terhadap penglibatan mereka dalam program ini. Hasil dapatan kajian dapat memberi panduan dari aspek kesesuaian program yang dirancang mengikut keperluan sekolah.

Kajian ini diharap dapat memberikan maklumat kepada para pengkaji terhadap keberkesanan program FAST sebagai tunjang kepada pembentukan sebuah keluarga harmoni. Institusi keluarga yang mantap adalah apabila ibu bapa menjalankan tanggungjawab dan peranan yang diamanahkan dengan baik dan melahirkan generasi bersahsiah tinggi. Melalui kajian ini tema-tema yang memberikan kesan terhadap hubungan ibu dan anak akan diberikan tumpuan supaya dapat dijadikan rujukan bagi membantu mengurangkan masalah hubungan ibu dan anak remaja. Oleh itu, ia dapat menjadi sumber rujukan bagi program-program yang akan dirangka untuk merapatkan hubungan ibu dan anak remaja.

Akhir sekali ia memberi manfaat kepada penyelidik memandangkan penyelidik berada dalam profesion perguruan, kajian ini dapat membantu penyelidik Mengenal pasti punca masalah salah laku dan program permuafakatan yang boleh dirangka bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru, dan Kumpulan Sarana Ibu Bapa bagi mengurangkan permasalahan tersebut.

1.7 Definisi Konseptual dan Operasional

Bahagian ini akan membincangkan definisi konseptual dan operasional bagi istilah perubahan dinamik, ibu, anak remaja, program Family and School Together.

1.7.1 Perubahan dinamik

Perubahan juga didefinisikan sebagai perbezaan antara keadaan semasa dengan sebelumnya (Amir Hassan, 2009; Salleh, Siti Fatimah, Siti Khatijah, & Zurita, 2017). Manakala Cambridge International Dictionary of English (2001: 434) memberikan takrifan "dinamik" sebagai "*adj having a lot of ideas and enthusiasm; energetic and forceful*". Manakala istilah "dinamik" dalam Merriam Webster's Collegiate Dictionary (1996: 389) ditakrifkan sebagai "*a pattern or process of change, growth, or activity (population)*". Berdasarkan definisi,

“dinamik” yang digunakan dalam konteks kajian ini sebagai suatu bentuk perubahan tingkah laku dan persepsi terhadap hubungan ibu dan anak remaja yang bersepadu dan berterusan, mempunyai tujuan kebaikan dan kemajuan, dan dapat disesuaikan dengan perubahan-perubahan setelah mengikuti program FAST.

1.7.2 Ibu

Teuku Iskandar (1970) mendefinisikan ibu sebagai emak, mama, mami dan bonda dan ibu merujuk kepada peranan dan tanggungjawab dalam mengasuh dan mendidik anak-anak di rumah. Menurut Kamus Dewan (2000: 475), ibu ditakrifkan sebagai seorang yang melahirkan kita atau emak atau panggilan hormat kepada wanita yang sudah bersuami. Dalam kajian ini ibu merujuk kepada penjaga remaja termasuklah ibu tunggal dan ibu tinggal. Pemilihan ibu dibuat berdasarkan penyertaan ibu sepenuhnya dalam aktiviti yang dirancang bersama-sama remaja terutama bagi aktiviti one on one time dan aktiviti refleksi bersama.

1.7.3 Remaja

World Health Organization (WHO) mendefinisikan remaja (adolescence) dari umur 10 tahun sehingga 19 tahun, manakala masa muda (youth) ditakrifkan berumur dari 15 tahun sehingga 30 tahun. Menurut Child and Adolescence Health and Development (CAH) mengklasifikasikan remaja kepada tiga peringkat iaitu remaja awal dari umur 10 tahun sehingga 14 tahun, remaja pertengahan dari umur 15 tahun sehingga 17 tahun dan remaja akhir dari umur 18 tahun sehingga 19 tahun. Dalam kajian ini remaja merupakan individu lelaki atau perempuan yang berusia 16 tahun tergolong dalam kelompok remaja pertengahan.

1.7.4 Program Family and School Together (FAST)

Program Family and School Together merupakan program intervensi yang telah diguna pakai di negara barat. Program yang diasaskan oleh Lynn McDonald seorang professor kerja sosial sejak 1988. Program yang berteraskan kerja sosial ini telah dilaksanakan di beberapa buah negara antaranya di Amerika Syarikat, Austria, England, Kanada, German dan Netherlands. Program FAST melibatkan remaja dan keluarga bersama sekumpulan wakil kumpulan pelaksana yang melaksanakan aktiviti interaksi bersemuka setiap minggu selama lapan minggu. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan meneroka kerjasama di antara sekolah dan keluarga dan perubahan dinamik ibu dan anak remaja melalui program FAST.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada kerjasama di antara keluarga dan sekolah dalam usaha membendung masalah salah laku remaja di sekolah. Kajian turut meneroka aktiviti yang dilaksanakan mengikut model teen FAST terhadap kesesuaiannya sebagai program intervensi dalam usaha mengatasi masalah disiplin remaja. Justeru diharapkan dapatan kajian menjadi rujukan para pengkaji akan datang untuk mendalami kesan pelaksanaan program intervensi Family and School Together mengikut versi tempatan. Penglibatan banyak pihak dalam program FAST sudah pasti memberikan pengalaman yang berbeza terhadap kesemua peserta, oleh itu kajian turut meneroka pengalaman wakil kumpulan pelaksana yang dilantik dan pandangan mereka terhadap program ini. Melalui dapatan kajian ini kerjasama di antara kementerian Pendidikan, pihak sekolah dan NGO dapat dipertingkatkan lagi. Justeru dapatan terhadap kesesuaian program FAST boleh dijadikan rujukan para pengkaji yang mengkaji program intervensi bagi mengatasi masalah disiplin di sekolah. Dapatan kajian dikemukakan diharap dapat membantu guru, ibu bapa dan masyarakat dan pihak berwajib mengatasi masalah salah laku dalam kalangan remaja.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan peserta program FAST yang berada di tingkatan empat di sekolah menengah di Jalan 3, Bandar Baharu Bangi sahaja. Oleh kerana masalah setiap remaja adalah berbeza dengan remaja lain dan ia tidak dapat mewakili remaja di Malaysia. Remaja yang terpilih adalah remaja yang terlibat dalam salah laku disiplin sekolah dan mengikuti program bimbingan dan kaunseling. Dapatan kajian juga sangat bergantung pada kejujuran peserta-peserta yang telah dipilih dalam memberikan jawapan dengan tepat dan benar kepada temu bual yang dilaksanakan. Kajian ini juga hanya meneliti kerjasama di antara sekolah dan keluarga FAST yang terjalin sepanjang program FAST dilaksanakan. Ia tidak boleh mewakili sekolah seluruh Malaysia.

Kajian ini juga memberi tumpuan kepada perubahan dinamik ibu dan remaja sepanjang mengikuti program FAST sahaja. Pemilihan ibu adalah kerana hanya ibu sahaja yang melakukan sepenuhnya aktiviti FAST bersama remaja berbanding bapa. Meskipun bapa dan ahli keluarga lain mengikuti program ini, namun mereka terlibat secara tidak langsung dalam aktiviti ini. Batasan kajian turut dilihat dari aspek penggunaan kajian literatur. Memandangkan program kerjasama melibatkan ibu bapa dan komuniti di Malaysia masih berkurangan, pengkaji akan merujuk kepada kajian-kajian tersebut yang telah dilaksanakan di luar negara.

1.10 Penutup

Secara keseluruhannya matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji kerjasama di antara sekolah dan komuniti (keluarga) dalam meneroka masalah salah laku yang membabitkan remaja di bangku sekolah melalui program FAST. Kajian ini

turut memberi tumpuan kepada corak perhubungan dinamik ibu dan anak melalui program Family and School Together (FAST). Pengkaji meneliti bagaimana aktiviti -aktiviti program FAST dapat mempengaruhi perubahan sikap remaja. Kajian ini penting kerana kajian lepas hanya memberikan tumpuan kepada faktor -faktor penglibatan remaja dalam pelbagai masalah sosial tetapi kajian terhadap program-program intervensi bagi mengurangkan penglibatan remaja dalam pelbagai masalah salah laku dan disiplin masih berkurangan. Oleh itu diharapkan kajian ini dapat memberikan maklumat terhadap kesesuaian pelaksanaan program FAST dalam konteks Malaysia.



BIBLIOGRAFI

- Abd Razak Zakaria, and Norani Mohd Salleh. (2011). Konteks keluarga dan hubungannya dengan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 36(1) (2011) 35-44 36(1):25–44.
- Abidin, R.R. (1986). *Parenting Stress Index Manual*. Charlottesville, VA: Pediatric Psychology Press.
- Absha Atiah Abu Bakar, & Mohd. Isa Hamzah. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, 11(1), 1–18.
- Ackley, M. K., & Cullen, P. M. (2010). Strengthening families through community collaboration: Implementing the Families and Schools Together (FAST) program. *Children & Schools*, 32(3), 183–186
- Ahmad Faqih Ibrahim, & Khairul Azhar Memerangani. (2019). Ciri-ciri tingkah laku ibu bapa pelajar yang terlibat dengan keruntuhan akhlak: kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Malim, Melaka *Research Gate*; December.
- Airasian, P and L. R. Gay. (2000). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. Sixth Edition. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Albardiaz, R. (2011). Teaching non-verbal communication skills. *Education for Primary Care*, 22(6), 423-424
- Al Ramaiah. (1999). *Kepimpinan pendidikan: cabaran masa kini*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Amir Hassan Dawi (2009), *Sekolah dan Masyarakat*. Quantum Books, Tanjong Malim
- Amran Hassan, Fatimah Yusoff & Khadijah Alavi. (2014). Pengaruh faktor kesepaduan (kefungsian keluarga) dan kemahiran keibubapaan terhadap kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibu bapa dan anak. *Jurnal Sains Humanika*, UTM. 3:1 (2014) 99–105.
- Anisa Saleha. (2015). Keterlibatan, sokongan pembelajaran dan pencapaian pelajar berdasarkan gender peringkat persekolahan dan lokasi. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

- Arnold, J.M. (2016). *Collaborating with Divers Families and Learners dalam Collaboration among Professionals, Students, Families and Communities: Effective Teaming for Student Learning*. New York: Routledge
- Asmawati Desa, FatimahYusoof, Zainah Ahmad Zamani, Nor Bai'yah Abdul Kadir, & Mohd Norahim Mohamed Sani. (2015). Kemahiran Keibubapaan, Kefungsian Keluarga Dan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Ibubapa. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(2), 32–42.
- Azahar Che Latiff, Balan Rathakrishnan, Norhamidah Jarimal@Safri, Siti Noor Fazariah Suis@Mohd Rusdy, & Surlanti Lajuma. (2017). Perkaitan antara perapatan ibubapa dan rakan sebaya dengan penglibatan remaja dalam penyalahgunaan dadah di Sabah. *Southeast Asia Psychology Journal*, 5, 12–21.
- Aziyah Abu Bakar. (2015). komunikasi keluarga dan pengurusan konflik: dari persepektif remaja melayu. *Jurnal Pengajian Media Malaysia / 17(1)*, 11–28.
- Azizi Yahaya, Asmah Suboh, Zurihanmi Zakariya, & Fawziah Yahya. (2005). *Aplikasi kognitif dalam Pendidikan*. Siri Pembangunan Profesion Guru
- Azizi Yahaya dan Nurulhuda Azizi, (2008) *Alam remaja, dalam Masalah Sosial dalam Kalangan Remaja*, ed. Azizi Yahaya et.al. Johor: Penerbit UTM,
- Azizi Yahaya & Gan Lui Nam (2010). Peranan ibu bapa. Muat-turun daripada http://eprints.utm.my/id/eprint/10373/1/28.9_PERANAN_IBU_BAPA.pdf
- Azizi, Y., & Bahari, M. S. (2013). Gaya asuhan ibu bapa remaja terhadap tingkah laku. *Education*, 53(9), 266–276.
- Azizi Yahaya. (2017). Keluarga dalam Pembentukan moral. Muat-turun daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/6035/1/aziziyahmoral.pdf>
- Azmawaty, M. N., Dharatun Nissa, F. M. K., Rafidah Aga, M. J., & Norazani, A. (2013). From nasty to healthy divorce: A marriage and family therapy model for working effectively with divorcing malay-muslim couples. *Malaysian Online Journal of Counseling*, 1(1), 1-23.
- Azzyati Mohd Nazim. (2014). Peranan NGO Islam dalam menangani remaja berisiko di Kuala Terengganu. Tesis PhD, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: UKM
- Azzyati Mohd Nazim. (2017). Faktor penyimpangan dalam kalangan remaja berisiko dari perspektif Islam. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 15(0), 1–19.

- Baharom Mohamad, Roslee Talib, Muhammad Suhaimi taat, Abdul Said Ambotang, Shukri Zain dan Mohd Yusof Abdullah. (2013). Cabaran transformasi agenda pendidikan negara. Utusan Borneo
- Baumrind, D. (1971). Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology*, 4(1, Pt.2), 1–103.
